

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB. LAKSAMANA PERTAMA
MOHAMAD IMRAN BIN ABD
HAMID (LUMUT)**

TARIKH : 17.05.2015 (SELASA)

NO. SOALAN : 93

Minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH** menyatakan Pencapaian akademik Orang Asli sehingga kini dan di manakah mereka diperjawatkan selain daripada Jabatan Hal Ehwal Orang Asli.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua, pencapaian akademik pelajar Orang Asli yang berjaya melanjutkan pelajaran ke Universiti Awam (IPTA) dan Luar Negara dari tahun 2010 hingga 2015 adalah seperti berikut:

TAHUN	MATRIKS	SIJIL	PRA DIPLOMA	DIPLOMA	IJAZAH	JUMLAH
2010	7	55	2	167	236	467
2011	5	48	8	203	254	518
2012	23	55	17	284	312	691
2013	22	52	63	370	332	839
2014	25	33	108	420	238	824
2015	6	44	54	431	269	804

Jadual 1 : Bilangan Pelajar Orang Asli di IPTA dari tahun 2010 - 2015

TAHUN	PHD	SARJANA	IJAZAH	JUMLAH
2010	0	0	1	1
2011	0	1	3	4
2012	1	0	6	7
2013	1	5	8	14
2014	0	9	5	14
2015	0	4	10	14

Jadual 2: Bilangan Pelajar Orang Asli Luar Negara dari tahun 2010 – 2015

Tuan Yang Di Pertua, taburan kerjaya Orang Asli sehingga 2015 melalui pencapaian akademik pelbagai peringkat di kalangan lepasan pelajar sekolah/graduan universiti adalah seperti berikut:-

1. Sektor awam seramai 3420 orang (63%)
2. Sektor swasta seramai 1977 orang (37%)

Penempatan kerjaya Orang Asli ini adalah disebabkan kerjasama erat JAKOA dengan Jabatan Tenaga Kerja (JTK) melalui Kementerian Sumber Manusia bagi tenaga kerja Orang Asli di sektor swasta. Manakala, JAKOA juga telah membuat kolaborasi dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), Suruhanjaya Perkhidmatan Pendidikan (SPP), Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) bagi tenaga kerja Orang Asli di sektor awam.